

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 19 DISEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## Pemulihan nilai ringgit bantu kurangkan tekanan inflasi

### Pemulihan nilai ringgit bantu kurangkan tekanan inflasi

**Pemulihan** ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) akhir November lalu membantu mengurangkan tekanan inflasi, khususnya harga makanan serta bahagian besarnya diimport, demikian mengikut firma penyelidikan.

Penganalisis di TA Securities, Farid Burhanuddin, berkata secara umum ringgit melantun semula untuk didagangkan di bawah paras RM4.60 berbanding dolar AS sejak 13 November lalu.

Katanya, ia susulan sentimen

yang bertambah baik setelah terdapat jangkaan kemungkinan pendekatan kurang agresif oleh Rizab Persekutuan (Fed) dalam mencorakkan kadar faedah AS.

"Selain itu, nilai ringgit terus bertambah baik dengan pelantikan Perdana Menteri Ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyaksikan mata wang tempatan itu ditutup di bawah paras RM4.50 sedolar ketika itu.

"Kami juga percaya trend penurunan harga komoditi global dan makanan pada peringkat serantau boleh mengurangkan te-

kanan inflasi Malaysia.

"Oleh itu, inflasi utama akan meningkat pada kadar lebih sederhana suku keempat 2022; selepas memuncak 4.5 peratus tahun ke tahun pada suku ketiga," katanya dalam nota penyelidikan baru-baru ini.

#### **Kekal unjuran**

Tambah beliau, buat masa ini, pihaknya mengekalkan unjuran penanda aras inflasi, indeks harga pengguna (IHP) pada 3.1 peratus tahun ini.

"Memasuki 2023, inflasi utama

Malaysia dijangka kekal tinggi pada 3 peratus tahun ke tahun, walaupun masih tertakluk kepada perubahan dasar dalam subsidi domestik dan harga komoditi global tahun hadapan.

"Tekanan harga yang ketara dan pengetatan dasar monetari mungkin mengurangkan perbelanjaan pengguna.

"Namun, permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan tahun depan, disokong pemulihan berterusan dalam pasaran buruh dan peningkatan dalam mata wang

tempatan," katanya.

Farid, berkata, memandangkan inflasi teras telah mencapai kemuncak baharu pada 4.1 peratus tahun ke tahun, pihaknya percaya bank pusat mungkin menaikkan kadar faedah 25 mata asas (bps) lagi pada mesyuarat akan datang yang dijadualkan 18 dan 19 Januari 2023.

"Satu lagi kenaikan kadar dijangka pada mesyuarat Mac, sekali gus mendorong kadar dasar semalaman (OPR) untuk dinaikkan pada 3.25 peratus," katanya.